

Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) dalam Pembelajaran Kosakata Arab

Nabihah Yusof, Harun Baharudin, Maimun Aqsha Lubis, Muhammad Luqman Ibnul Hakim

Kata kunci: Persepsi, Bimbingan Rakan Sebaya, Pembelajaran Kosakata Arab

Keywords: Perception, Peer Tutoring, Learning of Arabic vocabulary

Abstrak. Implimentasi Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) merupakan kaedah pembelajaran kosakata Arab yang dapat mewujudkan suasana pembelajaran bekerjasama dalam kumpulan atau dikenali dengan pembelajaran koperatif. Artikel ini membincangkan persepsi pelajar terhadap penggunaan kaedah bimbingan rakan sebaya dalam pembelajaran kosakata Arab. Responden yang terlibat dalam kajian ini dihadkan seramai 50 orang pelajar terdiri daripada pelajar tingkatan empat. Satu set soal selidik kuantitatif dibentuk bagi mendapatkan data. Data dianalisis secara deskriptif bagi mencari taburan min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar mempunyai persepsi yang tinggi dan memberi respon positif terhadap penggunaan kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) dalam pembelajaran kosakata Arab dengan nilai purata min 4.10. Kesimpulannya, kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) sesuai diimplimentasikan sebagai kaedah pembelajaran kosakata Arab dan mampu meningkatkan prestasi penguasaan kosakata Arab dalam kalangan pelajar.

Abstract. Implementation of Peer Tutoring is a method used to learn Arabic vocabulary that encourages cooperative learning. This article discusses students' perception about learning of Arabic vocabulary which incorporates Peer Tutoring. Respondents of the study were 50 form four students. Data were collected using questionnaires which were then analyzed quantitatively for mean distribution and standard deviation. Based on the findings, the students had a high perception about and gave positive responses to the implementation of peer tutoring to learn Arabic vocabulary with a mean value of 4.10. In conclusion, Peer Tutoring can be implemented for the purpose of vocabulary learning as it can potentially enhance mastery of Arabic vocabulary among students.

Pengenalan

Kaedah pengajaran bahasa Arab di Malaysia telah berubah mengikut zaman dan keperluan semasa. Objektif dan matlamat juga menjadi pengukur kepada sesuatu pelaksanaan kaedah pengajaran. Selain itu, bahasa Arab masih mengekalkan momentum tersendiri untuk kekal sebagai mata pelajaran pilihan sama ada di sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi sebagai bahasa kedua (Khairatul Akhmar & Maimun Aqsha, 2015). Bahasa Arab tentunya mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Islam umumnya memandangkan Islam sebagai agama rasmi negara.

Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) adalah satu bentuk kaedah yang paling mudah melibatkan seorang pelajar yang membimbing pelajar lain belajar suatu kemahiran atau tugas (Megha Tiwari, 2014; Franca, Kerr, Reitz & Lambert, 1990). Perkataan “Bimbingan Rakan Sebaya” sebagaimana yang dijelaskan “*Rakan Sebaya*” bermaksud seseorang mempunyai latar belakang yang sama dengan orang lain dari beberapa aspek seperti umur, kelas dan tahap. Manakala “*Bimbingan*” pula bermaksud seorang pembimbing yang mengajar individu pelajar atau sekumpulan kecil pelajar. Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) didefinisikan sebagai “*amalan pendidikan dimana pelajar berinteraksi dengan pelajar lain untuk mencapai matlamat pendidikan*”.

Menurut Marta Flores & David Duran, (2015), Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) adalah suatu kaedah pembelajaran koperatif secara berkumpulan yang melibatkan tutor dan tutee melalui hubungan simetri. Pasangan ini mempunyai matlamat yang dikongsi bersama yang perlu dicapai dalam satu rangka kerja interaktif sebelum suatu pengajaran dan pembelajaran (PdP) dirancang oleh guru (Duran & Vidal, 2004). Bimbingan rakan sebaya (BRS) adalah suatu kaedah pembelajaran yang mudah dikendalikan oleh guru-guru. Ia juga merupakan penyediaan bantuan pembelajaran yang disesuaikan dengan peribadi pelajar yang membolehkan kedua-dua pasangan bimbingan tersebut membuat kemajuan melalui kaedah pembelajaran yang bagus.

Dalam artikel ini, pengkaji cuba untuk membincangkan persepsi pelajar terhadap penggunaan bimbingan rakan sebaya sebagai kaedah pembelajaran dalam kosakata bahasa Arab.

Pernyataan Permasalahan

Kosakata adalah bermaksud perkataan yang mengandungi maksud dan difahami oleh penutur bahasa tersebut (Irma Martiny, 2017; Nik Mohd Rahimi, Kamarulzaman & Mowafak, 2008). Kosakata juga diertikan sebagai perkataan yang kita perlu tahu untuk berkomunikasi dengan baik sama ada untuk bercakap atau mendengar (Newman & Dwyer, 2009).

Manakala menurut Kamariah & Zurianah, (2017); Neuman & Dwyer, (2009) menyatakan kosakata ialah ‘perkataan – perkataan yang perlu diketahui untuk berkomunikasi dengan berkesan, melibatkan kata – kata yang diujarkan untuk melahirkan perasaan dan juga yang didengar’.

Penguasaan kosakata merupakan faktor penting dalam menentukan kemampuan berbahasa. Tanpa kosakata kemahiran-kemahiran bahasa seperti membaca, mendengar, menulis dan bertutur tidak mungkin dikuasai oleh seseorang pelajar (Mohd Zaki & Kaseh, 2016; Zhang & Li, 2011;). Ia umpama jantung kepada bahasa (Hunt & Beglar, 2005) dan merupakan aspek yang sukar untuk dikuasai dengan jumlah yang besar oleh kebanyakan pelajar bahasa kedua (Meara, 1980).

Pelbagai kaedah telah diperkenalkan oleh para penyelidik ke arah menjadikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih efektif dalam penguasaan kosakata. Penguasaan kosakata bukan sahaja telah menarik intuitif para guru dan pelajar bahasa bahkan juga menjadi topik kajian yang popular dalam dua dekad terakhir (Mohd Zaki & Kaseh et.al 2016; Gu, 2010). Manakala menurut Zainur & Rosni, (2016), penguasaan yang mantap dalam kosakata merupakan salah satu asas kepada pembelajaran bahasa sebagai bahasa kedua. Dalam kata lain, pelajar yang memiliki kosakata yang luas akan mampu mempelajari bahasa kedua dengan lebih cepat dan efisien berbanding pelajar yang tidak memilikinya.

Kekurangan kosakata merupakan faktor utama yang menyebabkan terhalangnya proses pertuturan dalam bahasa Arab dengan lancar dan gagal menyampaikan mesej dengan jelas (Anuar, 2016; Gan, 2012). Rentetan itu, pelajar berasa kecewa, kurang keyakinan, takut dan malu sekiranya berlaku kesilapan dalam pertuturan dalam bahasa tersebut (Ashinida, 2012). Antara bentuk masalah lain berkaitan kosakata termasuklah penggunaan kosakata yang kurang tepat dalam pertuturan, penggunaan kosakata yang tidak diperlukan dalam pertuturan serta meninggalkan kosakata yang sepatutnya ada dalam struktur ayat tersebut (Azani, Azman & Mat Taib, 2012). Pendapat ini disokong oleh Mohamad Syukri, & Muhammad Haron, (2016); Rosni, (2016), faktor kelemahan penguasaan kata ini akan menyebabkan pelajar tidak dapat memahami teks atau artikel yang dibaca, bahkan tidak mampu membina ayat yang tepat apatah lagi membina karangan yang berkualiti. Selain itu, dalam aspek kemahiran berkomunikasi pula, kelemahan penguasaan kosakata menyebabkan pelajar tidak dapat bertutur dengan baik. Banyak faktor yang mendorong ke arah ketidakupayaan pelajar menguasai kosakata Arab dengan baik, antaranya kelesuan dan kegagalan guru dalam memilih kaedah pengajaran yang tepat. Salah memilih kaedah yang tepat secara langsung menyebabkan kegagalan pelajar menguasai kosakata dengan berkesan.

Banyak faktor yang menjadi penghalang keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa tersebut khususnya dalam penguasaan kosakata. Pemilihan kaedah pengajaran yang kurang efektif telah dikenal pasti merupakan antara faktor utama kelemahan penguasaan kosakata. Kegagalan dalam pemilihan kaedah pengajaran yang menarik dan bervariasi juga dikenal pasti menjadi penyebab pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab kurang berkesan dan tidak dapat menarik minat pelajar (Fairosnita & Kamarul Shukri et.al, 2015; Saifuddin, 2002). Manakala Mohamad Syukri, Muhammad Haron et.al, (2016); Rosni, (2012) pula berpandangan bahawa kosakata dilihat sebagai aspek penting yang merentas aspek pengajaran dan pembelajaran dan kemahiran asas serta ia perlu dibangunkan secara berterusan. Pelajar perlu dibekal dan didedahkan dengan kaedah penguasaan kosakata yang pelbagai supaya mereka boleh mengumpul seberapa banyak kosakata bagi mengungkap ayat yang mudah.

Nadwah & Nadhilah, (2014), mendapati permasalahan yang berlaku dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Arab adalah ketidaklancaran dalam menguasai kosakata, kurang berinteraksi dan prestasi merundum dalam komunikasi bahasa Arab kerana kurangnya dorongan persekitaran mereka. Kajian pengkaji ini juga mendapati hanya bantuan rakan sekumpulan sahaja yang dapat membantu mereka memahami dan menguasai bahasa Arab dengan baik. Mereka juga mengalami masalah kebosanan semasa sesi pengajaran guru yang masih menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lama.

Dengan kata lain, para pendidik perlu mewujudkan lebih banyak aktiviti yang dapat membina hubungan baik sesama ahli kumpulan. Apabila pelajar saling kenal- mengenali dan mempunyai hubungan erat dalam satu kumpulan, mereka dapat mewujudkan satu identiti kumpulan iaitu kebolehan individu dan usaha secara bersama bergabung mewujudkan satu tahap kebolehan kumpulan. Pelajar yang berkebolehan rendah akan cenderung mengukur kebolehan kumpulan sebagai kebolehan individu, yang membantu meningkatkan konsep sendiri akademik pelajar (Ahmad, 2014; Yaakub, 2004).

Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti persepsi pelajar terhadap penggunaan Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) sebagai kaedah pembelajaran kosakata bahasa Arab. Satu modul pembelajaran kosakata Arab berbantuan Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) perlu dibangunkan secara sistematik dan berkesan untuk pelajar yang mempelajari bahasa tersebut.

Penggunaan Kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) dalam Pembelajaran

Dewasa ini, kurikulum pendidikan sering mengalami perubahan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan lagi prestasi pembelajaran dalam kalangan pelajar. Kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) yang membosankan akan memberi impak yang negatif dalam pembelajaran pelajar khususnya. Namun sejauhmana kaedah pembelajaran yang

diimplimentasikan memberi impak yang positif dalam dunia pendidikan. Adakah kaedah ini dapat dianggap kaedah yang paling efektif dalam proses pembelajaran kosa kata Arab?

Kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) adalah proses dimana pelajar berjaya pra-terlatih membimbing satu konsep atau kemahiran kepada pelajar lain atau kepada sekumpulan pelajar di bawah bimbingan guru (Gearheart, 1992). Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) sering dirujuk oleh para pendidik kerana ia meningkatkan kualiti pembelajaran, menyumbang kepada pembangunan kemahiran sosial, membangunkan pelbagai kemahiran lain dan memberikan manfaat emosi kepada pelajar (Ayvazo & Aljadef-Abergel, 2014; McKellar, 1986). Kedua – dua pelajar dapat memperbaiki hubungan persahabatan mereka dan membantu antara satu sama lain dalam berterima kasih kepada kumpulan kajian mereka melakukan dalam melaksanakan Bimbingan Rakan Sebaya (BRS). Manakala menurut Bowman-Perrott, (2013); Yelpeze, (2012), program latihan kemahiran sosial melalui Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) memberi kesan dalam mengurangkan tahap keganasan daripada pelajar sekolah menengah. Dalam kajian yang lain juga telah menunjukkan bahawa Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) memberi kesan yang positif terhadap kejayaan akademik kanak-kanak yang mempunyai gangguan sosial dan emosi.

Menurut Bowman-Perrott et.al, (2013), kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) telah diterima sebagai salah satu kaedah pengajaran yang inovatif dalam tahun – tahun kebelakangan ini. Kaedah ini telah mula dilaksanakan dalam setiap peringkat pendidikan daripada pendidikan rendah sehingga pendidikan tinggi dan kajian – kajian berkaitan pelaksanaan kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) semakin meningkat. Kebanyakan kajian tentang kesihatan dan pendidikan khas yang dijalankan di luar negara mendedahkan bahawa kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) bukan sahaja meningkatkan kejayaan pelajar, tetapi juga telah memberi kesan positif terhadap hubungan sosial, sikap dan harga diri dalam kalangan pelajar. Pendapat ini disokong oleh Naseerali, (2013); Hussain, (2011); Robinson, Schofield & Steers-Wentzell, (2005); Topping, (2003); Britz, (1989), terdapat kajian yang membuktikan bahawa kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) sering digunakan di luar negara dan kaedah ini mempunyai beberapa hasil dapatan yang positif seperti meningkatkan pencapaian akademik, meningkatkan keyakinan pelajar, membentuk sikap dan minat terhadap kursus.

Kajian yang dijalankan oleh Noor Anida, Rahimah & Zaiton, (2014) untuk meninjau amalan kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) bagi meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu. Kajian ini bersifat kualitatif dan data dikumpul dengan menggunakan teknik pemerhatian secara langsung, perbincangan dan temubual berstruktur. Kajian yang dijalankan melibatkan 30 orang pelajar dan hanya 5 daripada mereka dipilih secara rawak untuk ditemubual. Hasil dapatan kajian menunjukkan pelajar bukan penutur jati boleh mengatasi masalah bertutur bahasa Arab dengan mengamalkan kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS). Ini kerana kaedah pembelajaran ini dapat mewujudkan satu suasana yang kondusif dan santai untuk mendorong pelajar khususnya dalam kalangan bukan penutur jati untuk meningkatkan tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab.

Manakala menurut Elizabeth, Stanley & Edwin, (2016), terdapat kajian yang dijalankan di Nigeria oleh Okilwa & Shelby, (2010) berkaitan kesan bimbingan rakan sebaya terhadap prestasi akademik pelajar-pelajar kurang upaya dalam Gred 6 hingga Gred 12. Kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) menunjukkan kaedah yang berkesan untuk pelajar pendidikan khas dalam pendidikan umum dan penubuhan pendidikan khas. Kaedah bimbingan rakan sebaya yang dilaksanakan dalam mata pelajaran bahasa, seni, matematik, sains dan kajian sosial telah menunjukkan kesan positif dalam akademik.

Serap Uzuner Yurt & Elif Aktaş, (2016) telah melaksanakan kajian terhadap seramai 57 orang pelajar dalam tahun pengajian sesi 2014- 2015 di Universiti Erzincan. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejauh mana kesan Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) terhadap kejayaan pelajar universiti, kemahiran bertutur dan pertuturan efikasi sendiri dalam kursus bertutur. Kajian ini menggunakan pendekatan reka bentuk kajian gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif (*mixed method approaches*). Kajian ini berbentuk kajian eksperimen kuasi, 37 pelajar berada dalam kumpulan rawatan (kaedah Bimbingan Rakan Sebaya), manakala 20 pelajar berada dalam kumpulan kawalan (kaedah tradisional berpusatkan guru). Hasil dapatan kajian menunjukkan pelajar dalam kumpulan rawatan mempunyai sikap yang positif terhadap amalan kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS).

Disamping itu, Umi Kalthom & Ahmad et.al (2014); Amira (2008); Lai (2008), mencadangkan pembelajaran koperatif harus dijadikan kaedah pembelajaran yang penting dan lebih baik daripada kaedah pembelajaran tradisional kerana ia sesuai dengan permintaan dan cabaran dunia abad – 21. Kenyataan ini ditegaskan oleh Ahmad et.al (2014); Yaakub, Elias, & Tarmizi, (2004), kaedah pembelajaran berkumpulan ini juga mula mendapat perhatian dalam sistem pendidikan Malaysia tetapi kajian berbentuk empirik untuk mengukur keberkesanan kaedah tersebut dalam konteks Malaysia sangat berkurangan.

Kesimpulannya berdasarkan kepada kajian – kajian lepas yang berkaitan penggunaan kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) telah menunjukkan kesan yang positif terhadap pencapaian pelajar. Malah keberkesanan kaedah ini berkaitan dengan pelbagai isu yang diketengahkan didalam kajian para pengkaji. Perkembangan pelaksanaan kajian kaedah ini

masih lagi menjadi tumpuan yang utama dalam kajian para pengkaji di dalam dan di luar negara.

Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap penggunaan kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Kajian ini dijalankan di Maahad Muhammadiyah (L), Jalan Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan. Responden yang terlibat dalam kajian ini dihadkan seramai 50 orang pelajar terdiri daripada pelajar Tingkatan Empat. Para pelajar yang dipilih menjadi responden kajian ada terdiri daripada pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Menengah Ugama (SMU).

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan deskriptif. Pengumpulan data dibuat dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Data diperolehi dengan menggunakan instrumen soal selidik. Format dan kandungan boring soal selidik ini diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian kajian Awg Kasmurie, (2011). Soal selidik ini hanya membabitkan pihak pelajar yang menggunakan kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Skala Liker lima tahap digunakan bagi menunjukkan tahap persetujuan penggunaan kaedah bimbingan rakan sebaya sebagai kaedah pembelajaran di dalam kelas. Skala Likert itu diperincikan sebagai STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, KS = Kurang Setuju, S = Setuju dan SS = Sangat Setuju. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) yang melibatkan statistik deskriptif, iaitu min dan sisihan piawai.

Untuk tujuan interpretasi data, kajian ini mengkategorikan kepada tiga mata (Intan Sapinas, 2008) seperti berikut:

Jadual 1: Penentuan Tahap Perdasarakan Skor Min

Skor Min	Tahap
1 .00 - 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Dapatan Kajian

Dua puluh (20) item digunakan untuk meninjau persepsi pelajar terhadap kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) dalam pembelajaran kosa kata Bahasa Arab. Jadual 2 memaparkan analisis persepsi tersebut yang menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang tinggi terhadap penggunaan kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) dalam pembelajaran kosa kata dengan nilai purata min 4.10.

Jadual 2: Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS)

	Kandungan	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
1.	Saya seronok belajar dalam kumpulan Bimbingan Rakan Sebaya (BRS).	4.00	.707	Tinggi
2.	Saya sentiasa berpeluang memberi pendapat, idea dan saranan yang sesuai di dalam kumpulan perbincangan (BRS).	3.80	.913	Tinggi
3.	Saya sentiasa ingin bekerjasama dengan Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) .	4.16	.688	Tinggi
4.	Belajar dalam kumpulan Bimbingan Rakan Sebaya (BRS memberi peluang kepada saya untuk bertanyakan soalan.	4.00	1.000	Tinggi
5.	Kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) dapat membangkitkan minat saya untuk belajar mata pelajaran bahasa Arab.	4.00	.866	Tinggi
6.	Aktiviti perbincangan dalam kumpulan Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) memudahkan saya memahami tajuk yang sedang dipelajari.	4.20	.707	Tinggi

Kandungan	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
7. Saya sentiasa berhubung dengan ahli kumpulan dan menghargai kemampuan bakat mereka semasa sesi pembelajaran berlangsung.	4.12	.881	Tinggi
8. Saya sedia menerima teguran kerana mengemukakan idea dan pendapat saya di dalam kumpulan perbincangan.	4.28	.980	Tinggi
9. Aktiviti kumpulan Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) memberi keyakinan dan lebih berbanding pembelajaran tradisional	3.76	.926	Tinggi
10. Saya menerima secara terbuka segala pandangan, idea dan saranan di dalam kumpulan Bimbingan Rakan Sebaya (BRS).	3.96	.841	Tinggi
11. Saya mendapat lebih banyak kosa kata bahasa Arab melalui Bimbingan Rakan Sebaya (BRS).	4.04	.676	Tinggi
12. Sesi latih tubi yang diadakan selepas pembelajaran melalui Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) dapat mengukuhkan lagi pemahaman saya terhadap pembelajaran yang lepas.	4.32	.802	Tinggi
13. Saya suka berterus terang dengan ahli kumpulan sewaktu melakukan aktiviti kerjasama di dalam kumpulan perbincangan.	4.12	.927	Tinggi
14. Saya dan ahli kumpulan merasa lebih bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan melalui pembelajaran Bimbingan Rakan Sebaya (BRS).	4.08	.862	Tinggi
15. Adakah anda selesa belajar dalam kumpulan bimbingan rakan sebaya.	4.36	.860	Tinggi
16. Saya semakin rajin untuk belajar mata pelajaran bahasa Arab setelah mengikuti kaedah pembelajaran melalui Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) .	4.28	1.016	Tinggi
17. Semua ahli kumpulan saya sentiasa bekerjasama dengan baik ketika sesi perbincangan bersama Pembimbing Rakan Sebaya (BRS).	4.04	.676	Tinggi
18. Semua ahli kumpulan saya sentiasa menghormati antara satu sama lain ketika sesi perbincangan bersama Pembimbing Rakan Sebaya (BRS).	4.04	.935	Tinggi
19. Aktiviti perbincangan dalam kumpulan ini amat berkesan dalam mengeratkan hubungan persahabatan.	4.04	.935	Tinggi
20. Adakah anda sayang kepada rakan sekumpulan anda?	4.04	.765	Tinggi
Persepsi pelajar Secara Keseluruhan	4.10	.477	Tinggi

Bagi semua soalan di dalam soal selidik yang berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap penggunaan kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) dalam pembelajaran kosa kata Arab Tingkatan Empat didapati bahawa 20 item yang disoal telah mencatatkan nilai min pada tahap yang tinggi. Nilai min yang paling tinggi dicapai oleh item 15, iaitu nilai min sebanyak = 4.36 dengan sisihan piawai sebanyak = .860. Diikuti item 12 yang mencatatkan nilai min kedua tertinggi pada tahap tinggi sebanyak = 4.32 dengan sisihan piawai sebanyak = .802, item 8 mencatatkan nilai min sebanyak = 4.28 dengan sisihan piawai sebanyak = .926. Ini bermakna majoriti responden memilih skala sangat setuju bagi item 15, 12 dan 8. Manakala nilai min yang paling rendah dicapai oleh item 9 iaitu nilai min sebanyak = 3.76 dengan sisihan piawai sebanyak = .926. Persepsi pelajar terhadap penggunaan kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) dalam pembelajaran kosa kata Bahasa Arab secara keseluruhannya adalah di tahap yang tinggi mencatatkan nilai min sebanyak = 4.10 dengan sisihan piawai sebanyak = .477.

Kesimpulannya, daripada analisis data soal selidik berhubung persepsi pelajar terhadap penggunaan kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab, didapati berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) dapat meningkatkan prestasi pelajar terutamanya dalam penguasaan kosa kata Arab.

Perbincangan

Kajian ini mendapati penggunaan kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa implimentasi kaedah tersebut dalam pembelajaran bahasa Arab mampu menarik minat pelajar untuk menguasai kosa kata Arab.

Berdasarkan hasil dapatan, item yang berada pada tahap paling tinggi ialah pelajar selesa belajar dalam kumpulan yang menggunakan kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS). Perkara ini jika dilihat dari sudut pemilihan rakan pula, pelajar lebih cenderung untuk memilih rakan yang selesa untuk diajak berbincang dan bersua muka atau dengan kata lain memiliki hubungan sosial yang lebih kurang sama (Holmes, 2003). Data ini pada hakikatnya selaras dengan pandangan Noor Anida, Rahima & Zaiton et.al, (2014), yang menyatakan bahawa hal ini banyak memberi kebaikan kepada pelajar kerana mereka akan berasa selesa untuk bekerjasama antara satu sama lain dan tidak timbul jurang perbezaan yang ketara dalam tahap penguasaan komunikasi bahasa Arab dalam kalangan mereka. Oleh itu, pelajar dapat mengelakkan daripada perasaan rendah diri, takut ditertawakan oleh rakan yang lain dan sebagainya. Di samping itu, pelajar dapat membina keyakinan diri untuk bertutur dalam bahasa Arab, belajar sesuatu yang baharu dalam kumpulan mereka dan mewujudkan persaingan yang sihat sesama mereka. Secara tidak langsung kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) akan memupuk minat mereka terhadap bahasa Arab dan mengubah tanggapan bahawa bahasa Arab adalah bahasa asing yang susah untuk dipelajari.

Sueraya, (2012) memetik daripada Gamal, (2003) berpendapat pembelajaran bahasa akan menjadi suatu realiti apabila sering dipraktikkan dan mampu menggunakannya walau dengan apa cara sekalipun. Selain itu, keselesaan juga timbul apabila bersama-sama rakan kerana dapat menghilangkan kebosanan ketika mengulangkaji bersendirian dan mudah untuk mengingati pelajaran. Manakala Ghazali, (2012) menambah apabila pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab membabitkan pembelajaran sesama pelajar, maka suasana yang lebih santai dan selesa akan dapat diwujudkan, akhirnya menggalakkan perbincangan dan penggunaan bahasa yang lebih aktif. Inilah antara faktor yang menggalakkan pelajar untuk belajar melalui kaedah bimbingan rakan sebaya.

Berdasarkan hasil dapatan kajian tersebut, secara amnya bahawa pemilihan kaedah pembelajaran berbantuan Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) mampu menimbulkan rangsangan yang positif dalam proses pembelajaran kosa kata Arab dalam kalangan pelajar.

Kesimpulan

Keputusan kajian ini memperlihatkan bahawa kaedah pembelajaran melalui Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) sememangnya telah banyak memberi kebaikan kepada pelajar terutamanya dalam bidang pendidikan dan sewajarnya ia diterima sebagai salah satu kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah mahu pun universiti sebagai satu alternatif baharu dalam mempelbagaikan lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas. Kaedah Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) adalah kaedah yang sangat menarik, menyeronokkan tetapi memerlukan kepada komitmen yang tinggi untuk melaksanakannya dengan lebih berkesan. Aktiviti perbincangan dalam kumpulan Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) dapat melatih pelajar untuk berdikari di dalam mendapatkan ilmu pengetahuan. Para tenaga pengajaran mata pelajaran bahasa Arab perlu mengaplikasikan kaedah pembelajaran Bimbingan Rakan Sebaya (BRS) untuk mengubah persepsi negatif pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab dan seterusnya dapat meningkatkan minat dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Ini adalah kerana terdapat banyak kajian – kajian yang telah berjaya membuktikan kelebihan pelaksanaan kaedah pembelajaran koperatif (berkumpulan) dalam bidang pendidikan berbanding kaedah lain yang lebih bersifat kompetitif dan individualistik dalam meningkatkan prestasi akademik dalam kalangan pelajar.

Rujukan

- Ahmad bin Esa & Umi Kalthom bte Mahbib. 2014. Pembelajaran Koperatif Di Malaysia: Pembangunan Profesional dalam Meningkatkan Pendidikan Sekolah Rendah. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN2014) Batu Pahat, Johor, 9 – 10 April 2014.*
- Anuar bin Sopian. 2016. Tahap Pertuturan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar yang Mengambil Kursus Bahasa Arab di Uitm Melaka. *e-Proceeding of the 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization ICASIC2016 (e-ISBN 978-967-0792-08-8). 14-15 March 2016, Kuala Lumpur, Malaysia.*
- Azita binti Ali. 2013. *Kerangka Modul Bahasa C Menggunakan Pendekatan Model Integrasi Pembelajaran Berasaskan Masalah dan Pendidikan Berteraskan Kompetensi.* Tesis Ijazah Doktor Falsafah

- (Pendidikan Teknik dan Vokasional). Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. UTM: Johor.
- Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat dan Mat Taib Pa. 2012. Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan dalam Pengajaran Bahasa. *GEMA Online Journal of Languages Studies*. 12 (1), 325-337.
- Awg Kasmurie bin Awg Kitot. 2011. *Keberkesanan Pengajaran Inkuiri Dalam Meningkatkan Pemikiran Kritis dan Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Ayvazo S, Aljadef-Abergel E. 2014. Classwide Peer Tutoring for Elementary and High School Students at Risk: Listening To Students' voices. *Support for Learning*, 29(1):76-92.
- Bowman-Perrott L, Davis H, Vannest K, Williams L. 2013. Academic Benefits of Peer Tutoring: A Meta-Analytic Review of Single-Case Research. *School Psychol. Rev.* 42(1):39-55.
- Intan Sapinas bintu Bahuri. 2008. *Tinjauan Amalan Pembelajaran Koperatif Di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Maktab Rendah Sains MARA Gerik, Perak*. Tesis. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Irma Martiny Md Yasim, Maimun Aqsha Lubis & Zaid Arafat Mohd Noor. 2017. Penggunaan Teknik Pembelajaran Aspek Kosakata Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J) Volume 1(1) January 2017*, 14-24.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Wan Haslina Wah & Ahmed Thalal Hassan. (2012). Penggunaan Strategi Belajar Bersama Rakan dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 37, 37-50.
- Kamariah Abd Rahim & Zurianah Rahmat. 2017. Meningkatkan Penguasaan Kosakata Pelajar. *Seminar Bahasa Melayu 2017. Menyempurnakan Kata Menyampaikan Makna*.
- Khairatul Akhmar Ab. Latif, Maimun Aqsha Lubis & Aisyah Sjahrony. 2015. *Realiti Teori dan Praktikal Bahasa Arab Universiti di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairatul Akmar Ab Latif, Ahmad Redzaudin Ghazali & Mohd Rofian Ismail . 2015. Pengaruh Objektif Kurikulum Terhadap Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Program Sarjana Muda Bahasa Arab (Psmba) di Institusi Pengajian Tinggi Awam (Ipta) Malaysia. *E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization*. E-ISSN: 2289-6759 Volume 2 – 2015.
- Fairosnita binti Ibrahim & Kamarul Shukri bin Mat The. 2015. Pengaruh Permainan Bahasa Terhadap Motivasi Murid Sekolah Rendah Dalam Pembelajaran Perbendaharaan Kata Bahasa Arab. *Tinta Artikulasi Membina Ummah 1(2), 2015 41-50, e-ISSN: 2289-960X*.
- Marta Flores and David Duran. 2015. Influence of a Catalan Peer Tutoring Programme on Reading Comprehension and Self-Concept as a Reader. *Journal of Research in Reading*, ISSN 0141-042. Volume 00, Issue 00, 2015, pp 1–17.
- Megha Tiwari. 2014. Peer Tutoring: a Step Forward Towards Inclusion. *Educationia Confab*. ISSN: 2320-009. Vol. 3, No. 7, July 2014.
- Mohamad Syukri Abd Rahman & Muhammad Haron Husaini. 2016. Pengajaran Perbendaharaan Kata Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (Sabk) di Negeri Selangor. *Jurnal Pengajian Islam Fakulti Pengajian Peradaban Islam*. ISSN 1823-7126 BIL 9, ISU 1: 2016.
- Mohd Zaki Ismail. Kaseh Abu Bakar. Nik Farhan Nik Mustapha & Nurazan M Rouyan. 2016. Penggunaan Strategi Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab pada Kalangan Pelajar Cemerlang. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 31, 47–68, 2016.
- Mohd Zaki Ismail & Kaseh Abu Bakar. 2016. Strategi Pembelajaran Kosakata Berimbuhan Bahasa Arab. *Malaysian Journal of Learning and Instruction: Vol. 13 (2016): 113-133*.
- Nadwah & Nadhilah. 2014. Permasalahan Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online® Journal of Language Studies* Volume 14(1), February 2014 (<http://dx.doi.org/10.17576/GEMA-2014-1401-08>).
- Noor Anida Awang, Rahimah Embong, Zaiton Mustafa, Azhar Yaacob. 2014. Strategi Pembelajaran Bersama Rakan Sebaya Untuk Meningkatkan Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur Jati Di Unisza. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*. ISBN 978-967-5478-78-9.
- Sueraya Che Haron. (2012). Speaking Good Arabic: Learners' Perceptions. Retrieved August 2014 from <http://www.iiste.org>.
- Umi Kalthom bte Mahbib & Ahmad bin Esa. 2014. Kaedah Koperatif sebagai Pilihan Kelas Abad ke -21: Sorotan Literatur. *International Seminar on Technical and Vocational Education 2014 (TVEIS 2014)*.
- Zainur Rijal & Rosni Samah. 2016. Kebolehan Menguasai Kosakata Bahasa Arab dalam Buku Teks di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. ISSN: 2289-7208 print; 2289-9294 online 05 (2016) 33-43.